

Aktiviti kraf bangunkan sosioekonomi

Kos.mo 17/7/12 23

SEIRING dengan matlamat untuk memajukan industri kraf tangan khususnya di negeri Sabah, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan program Satu Daerah Satu Industri (SDSI).

Program yang dimulakan sejak tahun 2003 itu menjadi medium utama dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat tempatan melalui penglibatan aktiviti kraf yang diusahakan secara komersial.

SDSI secara langsung memperkenalkan kraf tangan beridentitikan kawasan setempat seiring dalam mewujudkan peluang pekerjaan di sesebuah daerah.

Berdasarkan rekod terkini, terdapat 335 usahawan kraf tangan yang terlibat dalam SDSI.

Antara daerah yang terlibat ialah Kudat, Kota Belud, Keningau, Semporna,



DAERAH Kudat terkenal dengan anyaman ribu-ribu.

Kuala Penyu, Tenom, Nabawan dan Tambunan.

“Setiap daerah mempunyai kekuatan kraf tangannya sendiri seperti Kudat terkenal dengan anyaman ribu-ribu dan Kota Belud seni kraf parang.

“Jadi, cara sebegini dapat mentransformasikan sesuatu kampung atau kawasan sebagai pusat pengeluaran kraf-

tangan tertentu,” jelas Penolong Pengarah Bahagian Usahawannya, Farina Darus.

Meskipun terdapat ramai pengusaha bergiat di dalam penghasilan kraf yang serupa dalam sesebuah daerah, namun mereka merupakan pengusaha yang berkemahiran. Pada masa yang sama, produk kraf yang dihasilkan mempunyai nilai komersial yang tinggi.

Menurut Farina, individu yang terpilih akan dilatih bagi memantapkan pengetahuan teknikal, produktiviti dan inovasi mereka dalam pengeluaran produk kraf tangan.

“Pelatih-pelatih ini juga bertindak sebagai tenaga pengajar dalam kalangan peminat kraf tangan di kawasan mereka bagi memastikan kesinambungan generasi pelapis kraf tangan itu,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.